

Cara scan virus yang berkesan

Virus tidak asing lagi dalam dunia perkomputeran. Kadang-kadang, jika anda scan komputer anda, tiada virus dapat dikesan kan? Anda nak tahu cara yang berkesan untuk anda mengesan virus-virus dalam pc atau laptop anda?

1 Install mana-mana anti virus yg anda suka (cadangan : e-Scan, kas, Bit Defender, Trend Micro, Kaspersky)

2 Restart komputer anda. Semasa proses sebelum masuk Windows, tekan F8 di papan kekunci

3 Pilih 'Safe boot' – 'Safe boot' ini berfungsi untuk menutup sesetengah fail sistem.

4 Setelah masuk safe boot, scan komputer anda dengan anti virus yang ada di komputer berkenaan. Pastikan perisian anti virus telah dikeskani.

5 Delete virus yang dijumpa. Jika tiada hidden files, guna regedit.. (REGEDIT ni boleh dilakukan semasa boot windows secara normal)



Perisian Mengawasi Penggunaan Internet Anak Anda

Terdapat banyak cara dan perisian untuk anda mengawasi penggunaan internet yang digunakan pada komputer anda, tetapi disarankan anda menggunakannya bagi tujuan kebaikan bukan sebaliknya. Disini, ada beberapa perisian yang mudah digunakan, iaitu :

Windows Parental Controls



Windows 7 telah menyediakan satu perisian yang dinamakan Windows Parental Controls. Anda boleh aktifkan perisian ini dengan cara, pergi ke Control Panels. Kemudian pilih 'Set up Parental Controls' pada menu 'User Accounts' dan aktifkan.

Dengan adanya perisian Windows Parental Controls ini, anda boleh mengawal:

- Laman web, kandungan laman web, fungsi downloads yang dibenarkan / dilarang.
- Masa penggunaan internet yang dibenarkan untuk satu-satu login pengguna.
- Games yang dibenarkan / dilarang.

- Perisian yang dibenarkan / dilarang.

K9 Web Protection



Anda juga boleh menggunakan perisian percuma yang dikeluarkan oleh BlueCoat, iaitu K9 Web Protection. Perisian ini menyediakan kawalan yang lebih dengan mengawal kategori, safesearch, custom lists dan lain-lain.

Selain daripada yang diatas, pengeluar perisian anti virus juga telah membangunkan perisian Internet Security dimana ia menggabungkan perisian anti virus dengan kawalan internet. Antara perisian yang popular ialah Kaspersky Internet Security dan Norton Internet Security.

Mengubah saiz ikon.

Sistem operasi Windows Vista™ menggunakan saiz ikon yang agak ketara


pada desktop. Ia boleh diubah suai mengikut kehendak pengguna.

Kecilkan semua tettingkap, jika ada. Seterusnya tekan dan tahan kekunci 'Ctrl', tolak ke hadapan atau ke belakang roda tetikus. Ini akan membenarkan anda untuk menambah atau mengurangkan saiz ikon desktop.

Selain daripada itu, pilihan saiz ikon boleh juga dilakukan dengan menggunakan butang 'Views' di menu pada tettingkap 'Windows




Explorer' dengan cara klik kanan butang tetikus pada kawasan yang tiada ikon di desktop, pilih view, klik panah kecil berhampiran dan pilihan paparan akan timbul (More options). Pilihan boleh dibuat mengikut kesesuaian pengguna.



Menggunakan kotak penanda untuk memilih pelbagai fail pada satu masa.

Salah satu opsyen yang menarik dari Microsoft Vista™ untuk membuat pilihan fail. Selepas membenarkan opsyen ini, anda akan dapati kotak penanda akan terpapar di sebelah atas kiri pada setiap ikon di 'Window Explorer'. Pilihan pelbagai fail tidak lagi memerlukan kekunci 'Shift' atau 'Ctrl'. Untuk memilih opsyen kotak penanda di Windows Vista™:

1. Pergi ke **start/computer**.
2. Klik menu **organize** dan pilih **folder and search options**.
3. Pilih tab **view**.
4. Cari dan pilih opsyen, **use check boxes to select items**.
5. Selesai.



Google Apps, aplikasi perkongsian fail dari Google.

Aplikasi komputer Google atau lebih dikenali sebagai *Google Apps* menyediakan satu alternative kepada masyarakat dan perniagaan..

Mereka boleh menggunakan pelbagai aplikasi komputer secara percuma atau pada kos yang rendah menerusi internet seperti aplikasi e-mel, lembaran kerja, pemproses kata dan sebagainya.

Namun begitu, penggunaan yang betul dan selamat bagi kesemua aplikasi yang disediakan sangat penting kerana ia bersifat umum di mana sesiapa sahaja boleh mencapainya di Internet.

Jadi, seterusnya akan dibincangkan beberapa langkah yang boleh diambil untuk penggunaan aplikasi *Google Apps* dengan selamat terutama sekali untuk perkongsian fail bagi sekumpulan orang dalam sesebuah organisasi.

1 Aktifkan penggunaan pengesahan akaun Google dengan cara pengesahan dua factor. Ia merupakan konsep keselamatan yang mempunyai dua lapisan kemasyarakatan iaitu pengguna perlu memasukkan kata kunci atau kata laluan sebanyak dua kali.

Kata tersebut ialah yang diketahui dan kata kunci yang akan dihantar menerusi sistem pesanan ringkas di telefon bimbit pengguna. Ia boleh dicapai di *Google Apps Control Panel > Advanced Tools > Authentication > Two-step Verification*.

2 Pastikan tahap capaian yang betul diberikan kepada pengguna atau ahli kumpulan yang betul terutama untuk kawalan aplikasi atau fail sebagai pentadbir. Ia boleh dicapai di *Control Panel > Domain Setting > Admin Roles*.

3 Bekukan akaun pengguna yang menjadi ahli kumpulan serta-merta sebakai sahaja pengguna tersebut menarik diri daripada kumpulan kerja atau perbincangan dalam sesebuah organisasi.

Harus diingat, bekukan akaun bukan bermaksud membuang akaun tersebut tetapi ia bermaksud menyahaktifkan akaun tersebut dalam sesebuah kumpulan. Ia boleh dicapai di *Organization & Users > akaun peng-*

guna > Suspend User.

4 Lihat kembali dan betulkan semula fungsi perkongsian yang dikonfigurasi untuk setiap pengguna dalam sesebuah kumpulan bagi sesebuah organisasi.

Ini sangat penting sebagai pentadbir kepada kumpulan pengguna *Google Apps*, perlu dipastikan ia dikonfigurasi dengan betul dan sesuai

5 Hadkan fungsi konfigurasi kepada pemilik Google Group dalam ruang kerja *Google Apps* sesebuah organisasi. Ia boleh dicapai di *Control Panel > Settings > Google Groups for Business Settings*.

